



Headline: Jururawat rugi RM227,000 diperdaya Macau Scam Language: Malay
Scam

Publication/Portal: Berita Harian
Date: 22 July 2020

Section: Nasional
Page: 19

Jururawat rugi RM227,000 diperdaya Macau Scam

Kuala Terengganu: Seorang jururawat kerugian RM227,000 selepas menjadi mangsa sindiket penipuan Macau Scam di daerah ini.

Kejadian dipercayai berlaku ketika wanita berusia 40-an yang bertugas di sebuah hospital di daerah ini menerima panggilan daripada sindiket berkenaan pada 21 Februari lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Terengganu, Superintendan M Zambri Mahmud, berkata lelaki yang memperkenalkan dirinya anggota polis memaklumkan mangsa dikesan terbabit dengan kes langgar lari.

Katanya, panggilan mangsa kemudian disambung kepada lelaki lain kononnya pegawai polis Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK).

“Suspek memaklumkan mangsa kononnya terbabit dalam sindiket pengedaran dadah dan pengubahan wang haram sebelum meminta mangsa menyerahkan semua maklumat akaun bank miliknya untuk tujuan siasatan.

“Suspek turut meminta mangsa memindahkan semua wang simpanannya ke dalam satu akaun bank sahaja sebelum berjanji siasatan akan diselesaikan

pada 15 Julai.

“Mangsa yang bimbang kesnya diketahui majikan hanya mengikut arahan diberikan dan dia menyedari ditipu selepas mendapati wang simpanannya berjumlah RM227,000 sudah dipindahkan ke dalam beberapa akaun bank tidak dikenali, semalam.

“Mangsa kemudian membuat laporan polis. Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu,” katanya.



Suspek turut meminta mangsa untuk memindahkan semua wang simpanan ke dalam satu akaun bank sebelum berjanji siasatan akan diselesaikan pada 15 Julai.

M Zambri Mahmud,
Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Terengganu